

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE IMPLEMENTATION OF MAJALLAH AL-AḤKĀM AL-‘ADLIYYAH IN STATE OF JOHORE’S LEGISLATIVE: A PRELIMINARY STUDY]

IMPLEMENTASI MAJALLAH AL-AḤKĀM AL-‘ADLIYYAH DALAM PERUNDANGAN DI NEGERI JOHOR: SATU KAJIAN PRELIMINARI

MOHD HAFIZ OTHMAN¹
 ERMY AZZIATY ROZALI^{1*}

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: ermy@ukm.edu.my

Received Date: 7 Disember 2019 • Accepted Date: 28 May 2020

Abstract

This study aimed to review the influence of Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah of Ottoman Civil Code towards the Muslim society in state of Johor. The Majallah was restructured by Ottoman Empire in 1869 references to Hanafi’s School. The Majallah was a modern code divided into chapters and comprised generalizes section such as Contract Law, Tort and Evidence Act. Historically, Sultan Abu Bakar was visited to Istanbul and met His Majesty of Caliph Sultan Abdul Hamid II in year 1893 therefore became the first rule of Malay archipalego. The adoption of Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah in Arabic language as Islamic Civil legislative in year 1893 by Johore Government, also translated to bahasa Melayu in 1913 later during the reigning of Sultan Ibrahim known as Majalah Ahkam Johor. The enforcement according to section 49 and 57 of Johor State Constitution 1895. The methodology using qualitative design based on historical study approach and document analysis. The objective of this paper is to examine the relationship between the Johor Government and the Ottoman Empire through the book Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah as well as explaining the diplomatic relations of the two governments. The following study will examine the implementation of Majalah Ahkam Johor in the administration of Islamic law in the state of Johor. This paper identified the implementation of Majalah Ahkam Johor in the court of state of Johore was interrupted after the British appointed a General Advisor in 1914.

Keywords: Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah, Islamic Civil Legislative, Majalah Ahkam Johor

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji pengaruh Kerajaan Uthmaniyyah melalui kod Undang-undang Sivil iaitu *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* terhadap masyarakat Islam di Johor. *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* digubal oleh Kerajaan Uthmaniyyah pada tahun 1869 dengan menggunakan kaedah fiqh Mazhab Hanafi. Kitab tersebut merupakan satu kod undang-undang moden yang dibahagikan mengikut bab serta fasal yang mengandungi peruntukan umum seperti Undang-

undang Kontrak, Tort dan Undang-undang Keterangan. Menurut sejarah, Sultan Abu Bakar mengadakan kunjungan rasmi terhadap Sultan Abdul Hamid II di Istanbul pada tahun 1893 dan merupakan pemerintah pertama dari rantau Nusantara yang berbuat demikian. Kerajaan Johor mengadaptasi kitab *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* sebagai perundangan Sivil Islam pada tahun 1893, dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1913 ketika pemerintahan Sultan Ibrahim yang dikenali sebagai Majalah Ahkam Johor. Penguatkuasaan penggunaan kitab itu selaras dengan peruntukan seksyen 49 dan 57 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan pendekatan kajian sejarah dan analisis dokumen. Objektif penulisan ini ialah meneliti hubungan antara Kerajaan Johor dengan Kerajaan Uthmaniyyah melalui kitab *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* di samping menghuraikan hubungan diplomatik kedua-dua kerajaan. Seterusnya makalah ini akan menilai pelaksanaan Majalah Ahkam Johor dalam pentadbiran undang-undang Islam di negeri Johor. Hasil penulisan mendapati implementasi penggunaan kitab Majalah Ahkam Johor dalam mahkamah negeri Johor terganggu selepas British menempatkan seorang Penasihat Am pada tahun 1914.

Kata kunci: *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah*, Perundangan Sivil Islam, Majalah Ahkam Johor

Cite as: Mohd Hafiz Othman & Ermy Azziaty Rozali. 2020. Implementasi *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* dalam perundangan di Negeri Johor: Satu kajian preliminari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 87-103.

PENGENALAN

Sejak tahun 1839, berlaku pembaharuan gerakan Kerajaan Uthmaniyyah yang mengakibatkan kesan signifikan terhadap sistem perundangannya. Dalam arus pemodenan yang hendak dicapai, terdapat beberapa undang-undang Barat yang diperkenalkan dalam Kerajaan Uthmaniyyah, antaranya *Commercial Code* atau Undang-undang Perdagangan tahun 1850 yang berasaskan undang-undang Perancis, *Land Code* atau undang-undang Tanah tahun 1858, *Criminal Code* atau undang-undang Jenayah, Kod Prosedur Perdagangan pada tahun 1861 dan pada tahun 1864 dilaksanakan pula Kod Perdagangan Laut (S. Mahmassani 1987; Abd. Jalil 1993). Oleh yang demikian, situasi yang berlaku di antara tahun 1839 hingga 1869 menyebabkan Kerajaan Uthmaniyyah bertindak memperkenalkan undang-undang Sivil Islam bernama *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* (Abd. Jalil 1993).

Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah dilaksanakan pada tahun 1893 merupakan prinsip undang-undang Sivil milik Kerajaan Uthmaniyyah berteraskan Mazhab Hanafi memberi pengaruh kuat terhadap undang-undang Sivil Kerajaan Johor pada abad ke 19 yang dikenali sebagai Majalah Ahkam Johor. Disebabkan kedudukan Johor sebagai sebuah negeri yang sedang dalam proses melaksanakan perundangan Islam, maka hubungan dengan Kerajaan Uthmaniyyah diperkukuhkan lagi. Kitab *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* ialah undang-undang berkaitan dengan jual beli (*Buyu‘*), sewa menyewa (*Ījārah*), tanggungan (*Kafālah*), pemindahan hutang piutang (*Hiwālah*), gadaian (*Rahnu*), perdamaian (*Sulh*) dan sebagainya. Pada asalnya, kitab ini ditulis dalam bahasa klasik Uthmaniyyah dikenali sebagai *Osmanlıca*. Kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Greek dan Perancis (Samy Ayoub 2015). Di Johor,

semasa pemerintahan Sultan Ibrahim (1895-1959), *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Syed ‘Abd Qadir bin Muhsin al-Attas yang merupakan Mufti Johor. Terjemahan ini bertujuan menjadikan Majalah Ahkam Johor sebagai panduan rasmi berkenaan hukum syarak di negeri Johor pada tahun 1913 (Abd. Jalil 2002). Tidak dinafikan bahawa Majalah Ahkam Johor ini diubahsuai daripada *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah*, dengan dibuat beberapa pindaan kecil untuk disesuaikan dengan Mazhab Syafi‘e (Abdul Kadir 1996).

Ketika Kerajaan Johor berusaha melaksanakan penggunaan *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah*, British sudah bertapak di negeri-negeri Melayu yang lain. British telah memperluaskan pengaruh dan menegakkan kawalan ke atas semenanjung Tanah Melayu dalam jangka masa 1874 hingga 1914 (Oong 1996). Situasi ini menunjukkan bahawa British sedaya upaya mengelakkan Tanah Melayu dipengaruhi oleh Kerajaan Uthmaniyyah selepas Perang Dunia Pertama berakhir pada tahun 1918 termasuk negeri Johor. Melalui Perjanjian 1914, British mula campur tangan perundangan Johor dengan menggunakan doktrin nasihat. Sultan Ibrahim telah dipaksa oleh pihak British untuk menerima seorang penasihat dengan nama Penasihat Am dan menjadikan negeri ini sebagai wilayah lindungan British sama seperti negeri-negeri Melayu yang lain (Kenneth 1967). Penempatan seorang Penasihat Am di negeri Johor telah membantutkan usaha penukaran undang-undang adat kepada undang-undang Islam.

Artikel ini memfokuskan terhadap usaha pelaksanaan *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* sebagai perundangan Sivil Islam di negeri Johor. Kehebatan Kerajaan Uthmaniyyah telah memberikan inspirasi kepada Kerajaan Johor untuk melaksanakan kemajuan dalam bidang perundangan sehingga Majalah Ahkam Johor mula diperkenalkan. Ini menunjukkan hubungan diplomatik kedua-dua Kerajaan ke arah jaringan hubungan yang lebih penting dan serius. Penulisan ini bertujuan memaparkan sejarah awal hubungan Kerajaan Johor dengan Kerajaan Uthmaniyyah sehingga pelaksanaan Majalah Ahkam Johor yang diadaptasi dari kitab *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah*. Selain itu, penulis juga membincangkan campur tangan British sehingga memberi kesan terhadap pelaksanaan Majalah Ahkam Johor.

HUBUNGAN KERAJAAN JOHOR DENGAN KERAJAAN UTHMANIYYAH DARI ABAD KE 19 HINGGA ABAD KE 20

Sultan Abu Bakar memerintah Johor pada tahun 1862 hingga 1895. Pada zaman pemerintahannya, baginda Sultan mengadakan kunjungan rasmi terhadap Sultan Abdul Hamid II di Istanbul pada tahun 1893 selain berjumpa dengan Maharaja Francis Joseph di Austria-Hungary dan Raja Itali (R.O Winstedt 1979). Lawatan rasmi tersebut menunjukkan sikap Sultan Abu Bakar yang bijak mengembangkan hubungan diplomatiknya dengan pemerintah luar dan membuktikan pentadbiran Sultan Abu Bakar sangat mementingkan kerjasama luar demi menjaga kedudukan negeri Johor sebagai sebuah kerajaan Islam yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Rekod kedatangan Sultan Abu Bakar ke Istanbul dapat dilihat berdasarkan rekod surat bernombor BOA Y.A. HUS. 274/36 (3) yang diterima secara telegram oleh Kementerian Luar Negeri dari pejabat Kedutaan Uthmaniyyah di Vienna bertarikh 17 Mei 1893 bernombor 209 (Ismail Hakkı & A.C.S. Peacock 2019). Kandungan surat tersebut direkodkan oleh Duta Besar Uthmaniyyah di Vienna dalam bahasa klasik Uthmaniyyah (*Osmanlıca*) dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh penulis seperti berikut,

“His highness the ruler of Johor came to the imperial embassy and expressed his gratitude for the favourable treatment he received from His Imperial Majesty during his stay in the Abode of Felicity, and appealed me to present to the illustrious imperial threshold his (the ruler of Johor) loyal sentiments to the illustrious and holy person of our lord, His Majesty our Sultan, the Commander of the Faithful. He was accompanied by his nephew, Sayyid Muhammad al-Saqqaf, his doctor, and one official. Two hours after their visit, I visited them at their hotel, where I was received with complete kindness and respect. I have invited him together with his entourage to dinner at the imperial embassy on Saturday evening.”

Kandungan surat tersebut membincangkan tentang perasaan Sultan Abu Bakar yang menzahirkan rasa kesyukuran atas layanan baik yang diterimanya ketika menginap di *Abode of Felicity*. Maksud *Abode of Felicity* adalah salah satu nama Uthmaniyyah untuk bandar Istanbul (Nur Bilge 1999). Selain itu, Sultan Abu Bakar juga mengagumi pemodenan dan kehebatan Uthmaniyyah serta melahirkan rasa taat setia kepada Sultan Uthmaniyyah. Duta Vienna juga menjemput Sultan Abu Bakar dan rombongannya untuk makan malam pada hari Sabtu berikutnya. Berdasarkan rekod Turki di atas, dinyatakan tokoh bernama Sayid Muhammad al-Sagoff. Beliau merupakan kenalan rapat kepada Sultan Abu Bakar dan menyertai rombongan tersebut. Hasil dari lawatan rasmi itu, Sultan Abdul Hamid II menganugerahkan pingat tertinggi Uthmaniyyah kepada Sultan Abu Bakar dan pingat kedua tertinggi kepada Sayid Muhammad al-Sagoff (Ermy Azziaty 2012). Penganugerahan tersebut terdapat dalam *Syair Sultan Abu Bakar*. Menurut Prof. Ismail Hussein, teks syair ini sebenarnya ditulis di negeri Pahang namun ianya adalah lanjutan daripada tradisi Johor (M.A. Fawzi 1983). Perihal lawatan ke Istanbul dan anugerah kepada Sultan Abu Bakar terdapat pada rangkap ke 673 hingga 674, antaranya berbunyi,

“Adapun akan sultan yang pita (pukta),
Banyaklah sahabat raya yang bermahkota,
Memberi bintang sekalian rata,
Sultan Istanbul raja pendeta”

“Abdul Hamid namanya Sultan,
Arif laksana lagi dermawan,
Bintang Uthmani namanya tuan,
Tanda bersahabat sudah ketahuan”

Syair ini memaparkan persahabatan antara dua Kerajaan Islam amatlah penting demi kesinambungan tamadun Islam. Walaupun syair ini merupakan sebuah karya, namun sebagai satu karya pensejarahan Melayu yang sukar sekali dinafikan (M.A. Fawzi 1983). Selepas kemangkatan Sultan Abu Bakar pada tahun 1895, Sultan Ibrahim menggantikan bapanya setelah dilantik sebagai Tengku Mahkota pada 23 Mei 1891. Hubungan Kerajaan Johor dan

Kerajaan Uthmaniyyah diteruskan semasa pemerintahan Sultan Ibrahim. Ini dibuktikan melalui syair tersebut pada rangkap ke-786 hingga 787 yang berbunyi,

“Tiada lama juga antara,
 Suatu bintang setanbul (Istanbul) negara,
 Hadiah dari sultan perwira,
 Memberikan baginda Sultan Putera”

“Sampailah sudah dengan selamatnya,
 Disambut baginda dengan sempurnanya,
 Uthmani nama bintangnya,
 Keduanya itu besar pangkatnya”

Kehebatan Kerajaan Uthmaniyyah selaku kuasa Khalifah bagi seluruh umat Islam di dunia pada ketika itu amat dikagumi dengan penuh takzim oleh Kerajaan Johor. Justeru, bintang “Uthmani” dianugerah kepada Sultan Ibrahim oleh Sultan Kerajaan Uthmaniyyah dalam tahun 1898 melalui Datuk Seri Amar Di Raja Abdul Rahman Andak (Setiausaha Negeri Johor) yang dalam perjalanan pulang dari Eropah (M.A. Fawzi 1983). Penghargaan ini bagi meneruskan legasi persahabatan antara dua kerajaan Islam tersebut.

Selain darjah dan bintang kebesaran, hubungan Kerajaan Johor dengan Kerajaan Uthmaniyyah juga merangkumi aspek persemendaan. Sultan Abdul Hamid II, mengurniakan baginda Sultan Abu Bakar, seorang wanita Turki berbangsa Circassia yang bernama Rukiye Hanım. Menurut Ungku Abdul Aziz, nendanya Rukiye Hanım berasal dari Abkhazia yang berlokasi di sebelah Timur Laut Hitam wilayah Turki (Asmah Omar 2015; Nuramirah 2019). Rukiye Hanım mengahwini adinda Sultan Abu Bakar, iaitu Ungku Abdul Majid dan dikurniakan dua orang cahaya mata Ungku Abdul Aziz (Menteri Besar Johor kelima) dan Ungku Abdul Hamid (Ketua Jabatan Penterjemahan Johor). Setelah kematian Tengku Abdul Majid, Rukiye Hanım berkahwin dengan Sayid Abdullah al-Attas, seorang pedagang kaya di Betawi dan dikurniakan seorang anak, iaitu Sayid Ali al-Attas (Anwar Abdullah 1971; Ramlah Adam 1992; Mehmed Özey 1990; Ermy Azziaty 2010). Perkahwinan Rukiye Hanım dengan Tengku Abdul Majid bukanlah semata-mata hubungan politik antara dua buah kerajaan Islam namun membuktikan hubungan persemendaan yang melahirkan tokoh-tokoh berwibawa di Malaysia seterusnya memberikan sumbangan yang besar terhadap negara.

Menurut Rahimah Aziz, seorang sosiologi Melayu, transformasi negeri Johor berlangsung pada tahun 1800 hingga 1945. Dalam tempoh tersebut, Sultan Abu Bakar mengadakan lawatan rasmi ke Istanbul pada tahun 1893 dan ketika itu Kerajaan Uthmaniyyah sedang melakukan transformasi ke arah pemodenan. Kerajaan Uthmaniyyah iaitu kuasa Islam ketika itu telah mula mengambil idea pemodenan dari negara-negara Barat juga pada abad ke 19 (L.S. Stavrianos 1957; Lord Kinross 1977; A Rahman 2008). Kekaguman Sultan Abu Bakar terhadap kehebatan Kerajaan Uthmaniyyah dalam aspek infrastruktur bandar, pertahanan negara, ekonomi yang mantap dan jalinan diplomatik yang dilaksanakan Sultan Abdul Hamid II setanding dengan negara-negara maju di Eropah. Transformasi ini telah dimulakan oleh Sultan Abu Bakar dan para pegawai Melayu tanpa sebarang tekanan, kerana pada ketika itu, negeri Johor tidak berada dalam kawalan British. Antara pemodenan yang dilakukan ialah

pewujudan bandar baharu di Johor Bahru, Muar dan Batu Pahat, termasuk juga menambah baik jalan raya, jalan kereta api dan kemudahan awam seperti saliran air, hospital dan alat komunikasi seperti telegram, telefon dan perkhidmatan pos (A Rahman 2008). Kehebatan Kerajaan Uthmaniyyah sebagai sebuah kuasa Islam yang menandingi pemodenan negara-negara Eropah semasa era *Tanzimat* sewajarnya telah memberi inspirasi kemajuan kepada kerajaan-kerajaan Islam yang lain agar seiring dengan perkembangan pemodenan semasa.

PERANAN SAYID MUHAMMAD AL-SAGOFF DALAM HUBUNGAN KERAJAAN JOHOR DENGAN KERAJAAN UTHMANIYYAH

Semasa era penjajahan, ancaman Barat terutamanya Belanda di Hindia Timur (Indonesia) semakin berleluasa dan mengancam kedudukan Uthmaniyyah. Justeru, usaha yang dilakukan oleh Sultan Abdul Hamid II ialah menunjukkan sikap proaktif dalam penderitaan kaum Muslim Arab Hadramawt yang berada di bawah pemerintahan Hindia Timur Belanda dengan menghantar perwakilan pemerintahan yang digelar Konsul, di Batavia (kini dikenali sebagai Jakarta) pada akhir abad ke-19 (Nurulwahidah 2012). Kesan dari usaha tersebut, pembukaan Konsulat Turki di Singapura pada tahun 1864 dan di Batavia pada tahun 1880an telah merapatkan pertautan Kerajaan Johor dengan Kerajaan Uthmaniyyah, sekali gus membawa jalinan hubungan intelektual ke Johor (Auni 2005; Nurulwahidah 2012). Justeru, Sayid Muhammad al-Sagoff telah dilantik oleh Kerajaan Uthmaniyyah selaku Konsul di Singapura. Rentetan dari pelantikan itu, hubungan antara Kerajaan Johor dengan Kerajaan Uthmaniyyah semakin rapat disebabkan peranan yang ditonjolkan Sayid Muhammad al-Sagoff.

Pada tahun 1893, Sayid Muhammad al-Sagoff menyertai Sultan Abu Bakar berjumpa pemerintah Kerajaan Uthmaniyyah di Istanbul (Ermy Azziaty 2012) dan dianugerahkan pingat kebesaran. Pengaruh tokoh ini dalam Istana Kerajaan Johor disebabkan sumbangan perniagaan beliau dalam industri perkapalan yang membawa jemaah Haji dari Alam Melayu untuk mengerjakan Haji ke Mekah. Secara tidak langsung, menjadikan Sayid Muhammad al-Sagoff kerap berulang alik dari Alam Melayu ke Uthmaniyyah sehingga mewujudkan hubungan yang signifikan dengan Kerajaan Uthmaniyyah, selain itu juga seorang figura yang berpengaruh di Johor dan rapat dengan Sultan Abu Bakar. Sayid Muhammad al-Sagoff dianugerahkan pingat sebagai pengiktirafan terhadap khidmatnya kepada Kerajaan Uthmaniyyah, dan dia memberi penghormatan tersebut dengan menamakan tanahnya di Kukup, Johor sebagai *Constatinople Estate* (Jeyamalar 2015). Tanah tersebut merupakan pemberian hadiah oleh Sultan Abu Bakar untuk menjalankan urusan perdagangan dan perniagaannya. Hal ini menunjukkan peranan Sayid Muhammad al-Sagoff sebagai Konsul Uthmaniyyah di Singapura merapatkan lagi hubungan Kerajaan Johor dengan Kerajaan Uthmaniyyah amat dihargai Sultan Johor. Sayid Muhammad al-Sagoff turut mendapat penghormatan dari golongan Diraja dan pemerintah seperti Sultan Siak, Sultan Langkat, Sultan Pontianak, Gabenor Negeri-negeri Selat dan Duta Tertinggi Negeri-negeri Melayu (Syed Mohsen 1963; Siti Noorasihikin, Ezaad Azrai & Kaseh 2011). Ini menunjukkan wilayah Islam yang lain di Alam Melayu mengiktiraf penempatan Konsul Uthmaniyyah di Singapura.

Selain sebagai tokoh terkenal di Singapura, Johor dan beberapa daerah di Alam Melayu, Sayid Muhammad al-Sagoff juga merupakan individu terawal yang membawa kesedaran Pan-Islamisme yang dicetuskan Kerajaan Uthmaniyyah semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid

II. Pan-Islamisme merupakan penyatuan umat Islam menentang pencerobohan bangsa Eropah dan menyingkir penjajah Barat dari benua Asia dan Afrika (M. Naeem 1980; Mohammad Redzuan 2017). Namun begitu, walaupun Sultan Abu Bakar mempunyai hubungan yang erat dengan Kerajaan Uthmaniyyah, baginda tidak menunjukkan minat untuk menyebarkan gagasan Pan-Islamisme yang diperjuangkan oleh Sultan Abdul Hamid II (Mohammad Redzuan 2017). Sekurang-kurangnya, peranan dan pengaruh yang ditonjolkan oleh Sayid Muhammad al-Sagoff turut memberikan peluang kepada kesedaran Pan-Islamisme bertapak di Alam Melayu. Ini kerana, pengaruh Portugis dan Belanda sudah memberi ancaman sejak abad ke 16 lagi. Usaha dan tanggungjawab yang ditugaskan oleh Sayid Muhammad al-Sagoff kemudiannya berjaya memberikan kedudukan keturunan Arab dari Hadramawt dalam Kerajaan Johor apabila mereka dilantik sebagai tokoh agama.

PEMBUKUAN KITAB *MAJALLAH AL-AḤKĀM AL-‘ADLIYYAH*

Sultan Abdul Hamid II menaiki takhta pada tempoh yang sukar di mana terdapatnya pergerakan-pergerakan antarabangsa dan juga nasional yang mula berusaha untuk melemahkan kesatuan Kerajaan Uthmaniyyah (Nik Zaitun & Mohd Roslan 2018). *Tanzimat* merupakan satu cara perubahan ke arah seiring dengan kemajuan yang dicapai dunia Eropah. *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* merupakan undang-undang Sivil Islam pertama yang digubal semasa era *Tanzimat* iaitu tempoh penyusunan semula dan pembaharuan Kerajaan Uthmaniyyah dibawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid II iaitu antara tahun 1869 hingga 1876. Di Eropah, *Majallah* dikenali sebagai *Qawānīn al-Mulkiyyah li al-Dawlah al-‘Adliyyah* atau *The Civil Code of The Ottoman Empire* (Ahmed Akgündüz 2011).

Sebelum pengubalan kitab perundangan Sivil tersebut, satu perjumpaan diadakan atas arahan Khalifah Uthmaniyyah, antara Lembaga Sarjana atau *Majalla Jami ‘iyeti* dibawah Majlis *Tanzimat* untuk mengusahakan satu set undang-undang muamalat berdasarkan kaedah fiqh. Hal ini kerana, terdapat perkara-perkara muamalat yang kerap berlaku menghadapi masalah terutamanya bermula pada pertengahan abad ke-19. Lembaga Sarjana tersebut terdiri daripada pengurusan tertinggi seperti Ahmed Cevdet Paşa (Menteri Keadilan), Saifuddin (Anggota Syura Kerajaan), Syed Ahmad Hilmi (Anggota Mahkamah Tinggi Keadilan), Syed Ahmad Khalusi (Anggota Mahkamah Tinggi Keadilan), Syed Kalil (Nazir Waqar), Muhammad Amin al-Jundi (Anggota Syura Kerajaan) dan Amin Abidin (Anggota Lembaga). Punca penubuhan Lembaga ini salah satunya disebabkan percanggahan dan anggapan sesuka hati oleh ahli anggota Majlis *Tamyiz al-Huquq* terhadap Hakim Syarie menjatuhkan hukuman. Sangkaan buruk sedemikian menyebabkan wujudnya pelbagai cemuhan dan umpatan (Md. Akhir 1991). Selain itu, berdasarkan Laporan Lembaga Majalah yang dilaporkan oleh Ali Basha pada 1869, *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* disusun disebabkan terdapat permasalahan dalam perkara muamalat, antaranya masalah ilmu fiqh dalam Mazhab Hanafi masih berpecah sedangkan perubahan masa sentiasa mengubah masalah yang berkaitan dengan adat dan *uruf*. Selain itu, kes-kes yang melibatkan muamalat dibicarakan di dua mahkamah iaitu mahkamah perdagangan dan mahkamah syariah, situasi ini menyebabkan konflik bidang kuasa kerana dasar penubuhan kedua-dua mahkamah ini berbeza (Md. Akhir 1991). Hasilnya, satu perundangan Sivil yang jelas dan merangkumi keseluruhan aspek muamalat berjaya digubal iaitu *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah*. Satu pelarasan yang jelas perlu diketengahkan dalam menentukan sesuatu

undang-undang yang digunakan dalam sesebuah negara agar tidak berlaku pertindihan, perbezaan pendapat dan mengelakkan campur tangan dalam menentukan sesuatu keputusan mahkamah.

Tujuan penulisan *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* adalah memenuhi keperluan Mahkamah Sivil atau *Mahkama-i Nizāmiyyah* dan meningkatkan kecekapan hakim-hakim Uthmaniyyah pada era *Tanzimat* (Ahmed Akgündüz 2011). Selain itu, matlamat utama Sultan Abdul Hamid II dan negarawannya adalah untuk memelihara negara dan untuk melindungi masyarakat Islam dalam keadaan tidak menentu pada masa itu dan tindakan ini adalah satu-satunya tujuan reformasi *Tanzimat* (William Hale 2013).

Kitab *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* bersumberkan kepada fiqh Mazhab Hanafi dan mengandungi 1,851 fasal tentang prosedur, harta, pinjaman dan sebagainya (Ahmed Akgündüz 2011). Walaupun *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* mengamalkan prinsip yang terdapat dalam kitab *Zahir al-Riwayah*, namun dalam beberapa kes, *Majallah* juga mengambil pendapat Mazhab selain Mazhab Hanafi (Md. Habibur & Noor Mohammad 2018). Hal ini kerana, sifat kitab tersebut yang konsisten demi kesejahteraan awam serta mengikut kehendak semasa. Selain itu, disebabkan wilayah Kerajaan Uthmaniyyah yang luas dan besar, maka *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* ini menyatukan undang-undang sivil bagi masyarakat Uthmaniyyah yang berbeza dari segi latar belakang agama dan kedudukan geografi. Boleh dikatakan, *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* merupakan salah satu teks undang-undang yang seragam dan paling berjaya di zaman moden, yang menyatukan undang-undang masyarakat seperti Yahudi, Kristian dan Islam samada di Timur dan Selatan Mediterreanean (Ahmet Cemil 2015).

Lembaga Sarjana menyusun kandungan kitab ini seperti format dan bahagian jurisprudens yang biasa digunakan, tetapi ketetapan dalam bentuk artikel undang-undang dibezakan dengan nombor-nombor seperti undang-undang moden bertujuan memudahkan rujukan. Dari segi urutan, penomboran, ayat yang mudah dan menghadkan pendapat *fuqaha* yang berbeza dalam sesuatu isu kepada satu pendapat sahaja. Selain itu, ianya mempunyai kelebihan tersendiri yang mengubah sistem perundangan Islam dari sudut teks, penjelasan dan komentar (Md. Habibur & Noor Mohammad 2018). Kodifikasi pada kitab *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* adalah tersusun, lebih jelas dan membezakan antara kaedah dalam rujukan untuk pengajaran dengan rujukan yang digunakan untuk Mahkamah. Kitab ini mengandungi pengenalan dan enam belas (16) bab disusun secara teratur. Berikut senarai yang terdapat dalam kitab *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* mengikut bab:

1. *Ba‘i* iaitu jual beli
2. *Ījārah* iaitu sewa, upah dan gaji
3. *Kafalah* atau jaminan dan tanggungan
4. Hiwalah
5. *Rahn* atau gadaian
6. Amanah
7. Hibah
8. Rampasan dan Kerosakan
9. *Hajr* atau tegahan, *Ikrah* atau Paksaan dan *Shuf‘ah*
10. Jenis-jenis syarikat
11. *Wakalah*

12. *Sulh dan Ibra'*
13. Ikrar
14. Dakwaan
15. Saksi dan Sumpah dalam Mahkamah
16. Hukuman dan Fungsi seorang Hakim

Terdapat persoalan bahawa kitab tersebut ditulis berdasarkan pengaruh Barat disebabkan kontroversi Kerajaan Uthmaniyyah ketika itu samada perlu atau tidak mengadaptasi Undang-undang Perancis (Samy Ayoub 2015). Kajian awal dalam *Islam ve Osmanlı Hukukunda: Mecelle*, Osman Kaşıkçı iaitu individu yang bertanggungjawab menyediakan dokumen-dokumen Uthmaniyyah termasuk minit mesyuarat, laporan dan prosiding akhir Jawatankuasa *Majallah*, berhujah bahawa kitab ini pada asasnya bergantung kepada pendapat Mazhab Hanafi, beliau juga menekankan kodifikasi kitab ini berdasarkan hegemoni atau pengaruh undang-undang Barat (Osman Kaşıkçı 1997; Samy Ayoub 2015). Walaupun ahli parlimen Uthmaniyyah menerima sumber asing yang terdapat di kawasan lain misalnya Undang-undang komersial dari Perancis pada tahun 1807, namun mereka menegaskan *Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah* adalah berdasarkan hukum syarak. Tambahan pula, *Majallah* digubal berdasarkan perundangan Mazhab Hanafi, iaitu salah satu dari empat mazhab utama dalam *Ahli Sunnah wāl Jamā'ah* (Niyazi Berkes 1998; Seval Yildirim 2005). Secara ringkasnya, kitab *Majallah* sebagai terasnya, merupakan tindak balas masyarakat Islam terhadap pemodenan (Samy Ayoub 2015). Dakwaan *Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah* diadaptasi daripada undang-undang Rom atau Napoleon juga adalah tidak benar (Ahmed Akgündüz 2011). Hal ini kerana, pada akhir abad ke-19, Kerajaan Uthmaniyyah mengalami perubahan ekonomi, sosial dan pentadbiran yang ketara, maka satu pelarasan perundangan diperlukan.

Kitab *Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah* telah digunapakai di seluruh Mahkamah Uthmaniyyah, kecuali di Mesir dan Wilayah Arab. Selepas kejatuhan Kerajaan Uthmaniyyah, kitab ini masih digunakan secara rasmi samada keseluruhan atau separuh kandungannya di Turki hingga tahun 1926, di Lubnan hingga tahun 1932, di Syria hingga tahun 1949, Iraq hingga tahun 1953, Jordan hingga tahun 1977 dan Kuwait hingga tahun 1980. Di Palestin, undang-undang ini masih digunakan hingga tahun 1948, selepas tertubuhnya negara Israel, kitab ini masih digunakan hingga tahun 1970an. Manakala, di wilayah Alam Melayu, kitab *Majallah* ini telah dilaksanakan beberapa tahun di Johor iaitu salah satu negeri di Malaysia (Gábor Ágoston & Bruce Masters 2009). Hubungan signifikan Sultan Abu Bakar dengan Istanbul bukan sahaja aspek politik, ketika itu Johor satu-satunya negeri yang sedang berbaki menjadi jajahan British, tetapi usaha Sultan Abu Bakar mengilhamkan untuk menggunakan undang-undang Uthmaniyyah sebagai sumber perlembagaan negeri Johor (Ismail Hakkı & A.C.S. Peacock 2019). Majalah Ahkam Johor diisytiharkan pada tahun 1893, iaitu tahun lawatan Sultan Abu Bakar ke Istanbul, pada asasnya ianya merupakan terjemahan dari kitab *Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah* yang dibukukan oleh Jawatankuasa dibawah Ahmed Cevdet Paşa (Iza R. Hussin 2013; Ismail Hakkı & A.C.S. Peacock 2019).

PENGARUH KITAB MAJALAH *AL-AḤKĀM AL-‘ADLIYYAH* TERHADAP MAJALAH AHKAM JOHOR

Sejarah kedatangan *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* ke negeri Johor merupakan suatu yang sukar dibuktikan kerana tidak terdapat suatu fakta sejarah yang khusus mengenainya tercatat di dalam mana-mana sumber sejarah di negeri Johor. Ini mungkin disebabkan tidak terdapat pencatat peristiwa bersejarah yang berlaku pada ketika itu ataupun sememangnya peristiwa pengambilan undang-undang *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* ke negeri Johor tidak dianggap sebagai suatu peristiwa penting untuk dicatatkan (Abd. Jalil 1997). Walaupun tiada rekod sejarah Johor yang menjelaskan cara kedatangan kitab *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* ke negeri Johor secara spesifik, berkemungkinan adaptasi kitab tersebut sebagai kod undang-undang sivil di Johor pada tahun 1893 disebabkan sebahagian peranan yang dibawa oleh para pedagang Muslim, Jemaah Haji, pelajar dan diplomat Islam di laluan persinggahan antara wilayah Singapura, Calcutta, Mesir, Mekah dan Istanbul, secara langsungnya mereka mewujudkan jaringan antarabangsa sebagai ejen atau wakil pedagang, bertukar idea, perhubungan dan pertukaran barang dagangan. Semua urusan yang melibatkan aktiviti-aktiviti jaringan antarabangsa tersebut, mewujudkan satu pengaliran bahan seperti surat khabar, surat, buku, kertas polisi, maklumat perisikan, invois dan surat kontrak (Iza Hussin 2013).

Raja Ali Kelana pulang dari Timur Tengah sekitar bulan Oktober 1904 hingga Mac 1905, untuk meminta sokongan dari Sultan Kerajaan Uthmaniyyah akibat ancaman kolonial Barat di Riau, Raja Ali Kelana beralih pandangan meminati bidang perniagaan dan kerja-kerja intelektual di dunia Islam Alam Melayu ini (J. Van 1997). Kerja-kerja intelektual tersebut berlangsung di Pulau Penyengat. Terdapat undang-undang baharu telah digabungkan dan dicetak seperti Undang-undang Polisi (Police Act) tahun 1893 dan *Furu’ al-Makmur Hukum Kanun* yang dicetak pada tahun 1895 (J. Van 1997). Ini menunjukkan Alam Melayu pada ketika itu melakukan perubahan perundangan termasuklah Kerajaan Johor. Raja Ali Kelana juga telah dihantar ke Uthmaniyyah untuk mendalami perundangan Sivil Islam iaitu *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* pada tahun 1883, 1895, 1899 dan 1913 (Abd Jalil 2011).

Persoalan mengenai siapakah yang bertanggungjawab membawa kitab *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* ke negeri Johor masih kurang dibincangkan para sarjana. Berkemungkinan Raja Ali Kelana adalah individu yang bertanggungjawab membawa kitab *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* ke negeri Johor berdasarkan 4 perbincangan berikut:

1. Raja Ali Kelana merupakan individu yang mahir bahasa Arab dan beliau mempelajari kitab *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* di Istanbul dan kitab tersebut didatangkan ke negeri Johor dalam bahasa Arab.
2. Raja Ali Kelana merupakan individu yang aktif mengembangkan jaringan intelektual termasuk buku-buku perundangan seperti Undang-undang Polisi pada tahun 1893 dan *Furu’ al-Makmur Hukum Kanun* yang dicetak pada tahun 1895, iaitu sama tahun dengan penggunaan kitab *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* di negeri Johor.
3. Sultan Abu Bakar, Sultan Johor melantik Raja Ali Kelana sebagai Syaikh al-Islam iaitu jawatan yang lebih tinggi dari jawatan Mufti Uthmaniyyah.

4. Kitab perundangan biasanya diteliti dan diamati oleh individu yang pakar dalam hukum syarak atau undang-undang Islam seperti Raja Ali Kelana yang mahir dalam ilmu perundangan.
5. Syed Syaikh al-Hadi iaitu anak angkat Raja Ali Kelana menjadi Peguam Syarie semasa pelaksanaan Majalah Ahkam Johor.

Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah yang digunakan oleh Kerajaan Uthmaniyyah pada 1869 dijadikan kod undang-undang Islam di negeri Johor ketika pemerintahan Sultan Abu Bakar pada tahun 1893 mempunyai kaitan dengan dasar polisi hubungan diplomatik kedua-dua kerajaan. Hubungan tersebut telah mewujudkan satu kesan yang positif dalam perkembangan undang-undang di negeri Johor. Bermula pada tahun 1913, penggunaan *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* dilaksanakan setelah kitab tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dikenali sebagai Majalah Ahkam Johor. Jabatan Agama Johor merupakan nadi utama dalam proses penterjemahan dan pelaksanaan kitab tersebut. Dato’ Syed Abdul Kadir Mohsin al-Attas, Mufti Johor dan juga Engku Sulaiman Engku Daud, Yang dipertua Jabatan Agama Johor merupakan individu banyak memainkan peranan dalam usaha ini (Abd. Jalil 2002; Ermy Azziaty & Wan Kamal & Azmul Fahimi 2016). Terdapat dua buah Majalah Ahkam Johor yang diterbitkan tetapi berbeza dari segi kandungan pada bahagian pengenalan. Versi pertama dicetak di Matba‘ Khairiyyah, Muar manakala versi kedua dicetak oleh Syarikat Percetakan Undang-undang iaitu al-Mansor Adabi di Singapura. (Abd. Jalil 2013). Usaha menjadikan Majalah Ahkam Johor sebagai panduan dalam segala persoalan sivil di Mahkamah negeri Johor merupakan suatu usaha memartabatkan undang-undang Syariah serta usaha menghalang pengaruh imperialisme Barat.

Terdapat pendapat beberapa orang sarjana Barat bernama Hooker, Joseph, Schact dan Herbert J. Liebesny menyatakan bahawa kandungan *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* adalah satu teks sekular dan bukan mengikut prinsip Islam sebenar (Abd. Jalil 1993). Hakikatnya, kandungan *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* adalah masih mengikut undang-undang Islam yang sebenar berdasarkan prinsip fiqh atau *Qawa‘id Fiqhiyyah* dalam Mazhab Hanafi, hanya dari segi bentuk dan teknik penyusunannya sahaja menerima pengaruh Barat. Beberapa perkara dalam Majalah Ahkam Johor diubahsuai supaya selaras dengan pendapat Mazhab Shafi‘e, walaubagaimanapun pengubahsuaian itu terlalu kecil (Abd. Jalil 1993). Hal ini bersesuaian dengan laporan Lembaga *Majallah* bahawa bagi memilih pendapat yang sahih, mereka berpendapat bahawa perubahan masa itu mengubah masalah-masalah yang berkaitan dengan adat dan *‘uruf*. Konklusinya, *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* bukanlah teks undang-undang sekular sepertimana yang dikatakan oleh sarjana Barat. Maka, Majalah Ahkam Johor berada pada kedudukan yang sama.

Berdasarkan penelitian di atas, jelaslah bahawa terdapat pengaruh kitab *Majallah al-Aḥkām al-‘Adliyyah* digunakan sebagai sumber perundangan Sivil Islam di negeri Johor berlangsung pada akhir abad ke 19. Hal ini kerana, Johor menuju pemodenan dan kemajuan. Maka aspek perundangan salah satu perubahan yang diambil inisiatif oleh Sultan Johor. Penguatkuasaan dan penggunaan perundangan Sivil tersebut diimplementasikan ke atas rakyat Johor melalui Jabatan Agama dan mahkamah negeri Johor. Majalah Ahkam Johor merupakan satunya-satunya kod Sivil Islam terawal yang diimplementasi di Tanah Melayu.

PELAKSANAAN MAJALAH AHKAM JOHOR

Sebelum pelaksanaan Majalah Ahkam Johor, Johor mempraktikkan undang-undang Islam dan undang-undang Inggeris yang tidak bercanggah dengan Islam. Selepas tahun 1908, Johor masih lagi menggunakan hukum syarak sebelum menggunakan *Indian Penal Code* iaitu undang-undang Inggeris berkaitan dengan jenayah, kemudiannya pada tahun 1910, Johor menggunakan *Civil Code* juga undang-undang Inggeris yang berkaitan dengan harta benda dan wang (Abd. Jalil 2002). Ini menunjukkan, British sudah mula memperkenalkan undang-undang Barat sehingga menyebabkan berlakunya konflik perundangan di negeri Johor. Walaupun pentadbiran negeri Johor di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim mengalami pemodenan dan kemajuan termasuk bidang perundangan Islam, namun dengan pelaksanaan Majalah Ahkam Johor menyebabkan pengaruh British semakin meluas terutamanya selepas tahun 1913.

Pelaksanaan Majalah Ahkam Johor dirujuk kepada bahagian pengenalan teks kedua Majalah Ahkam Johor tersebut:

Berkenaan dengan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor fasal 49 dan 57, Sultan Ibrahim dengan persetujuan ahli-ahli jawatan keadilan dan agama berkenaan dan membenarkan kitab Majalah Ahkam Johor supaya digunakan oleh sekalian pegawai-pegawai, majistret-majistret dan hakim-hakim di negeri Johor dalam perkara yang berkenaan dengan hukum Islam.

Jelaslah, perintah Sultan Ibrahim agar kitab Majalah Ahkam Johor dipraktikkan dalam persoalan perundangan yang melibatkan masyarakat Johor hendaklah dipertanggungjawabkan ke atas pegawai agama, pegawai undang-undang, para majistret dan hakim dalam mahkamah. Perintah pelaksanaan ini adalah selaras dengan fasal 49 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor tahun 1895 memperaku:

Adapun pekerjaan-pekerjaan mesyuarat kerajaan itu iaitu terutamanya membantu akan raja dan jemaah menteri dalam hal-hal mentadbirkan negeri dan rakyat iaitu seperti membuat dan menjadikan membetul dan menambah atau meminda akan undang-undang dan aturan daripada segala jenis dan rupa melainkan undang-undang agama dan hukum syarak. Dan memikirkan hal membuka negeri dan mengerjakan 'imarah negeri dan memberi ikhtiar-ikhtiar yang baik bagi menerbitkan hasil dan menambah akan perniagaan dan membaiki hal-hal kedudukan rakyat serta mengadakan syor bagi mengekalkan aman dalam negeri dan daerah takluk jajahan Johor dan memanjangkan muhibah dan perdamaian dengan kerajaan-kerajaan asing (Hanif Md Lateh & Izziah Suryani 2018).

Fasal ini membuktikan Kerajaan Johor melaksanakan undang-undang Islam atau hukum syarak untuk keamanan negeri itu. Dalam fasal 57 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor tahun 1895 menjelaskan agama Islam dijadikan sebagai agama rasmi bagi negeri Johor:

Adalah yang dikatakan “igama Islam” bagi jajahan dan Kerajaan Johor ini iaitu igama Islam maka yang demikian hendaklah igama Islam itu berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya menjadi dan diakui dan disebut “igama negeri” yakni tiadalah sekali-kali boleh sebarang igama lain dijadikan atau disebut igama negeri sungguhpun segala igama lain ada dibenarkan dengan aman dan sempurna boleh diperigamakan dalam segala dan segenap daerah takluk Kerajaan Johor oleh orang-orang yang berigama akan dia (Hanif Md Lateh & Izziah Suryani 2018).

Kedua-dua fasal tersebut merupakan teras kepada kedudukan agama Islam di negeri Johor. Tambahan pula, Sultan Ibrahim pada ketika itu mahu mengekalkan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi negeri Johor.

Jabatan Agama Johor merupakan institusi yang bertanggungjawab memastikan pelaksanaan Majalah Ahkam Johor. Arahan dan Perintah Sultan wajar dipatuhi dalam apa jua bentuk sekalipun demi mempertahankan kedaulatan negeri dari dijajah pengaruh Barat. Pada tahun 1913, terjemahan *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* ke dalam bahasa Melayu oleh Mufti Johor iaitu Syed Abd Qadir bin Muhsin al-Attas merupakan satu usaha menangkis campur tangan British di Johor. Penggunaan kitab undang-undang tersebut seharusnya lebih meluas pelaksanaannya. Syed Abd Qadir bertugas sebagai Mufti dan Ketua Hakim Mahkamah telah memainkan peranan yang besar dalam usaha menjadikan Majalah Ahkam Johor mempengaruhi perjalanan dan pentadbiran mahkamah dan pentadbiran agama secara seragam pada ketika itu (Noorilham & Muhamad Hasrul 2017). Peranan Mufti mendepani cabaran imperialisme British di Johor merupakan satu bentuk strategi mempertahankan agama.

Selain Mufti, Peguam Syarie juga merupakan individu yang berperanan mengangkat martabat undang-undang Islam di negeri Johor. Syed Shaykh al-Hadi pernah bertugas sebagai Peguam Syarie di Johor semasa implementasi Majalah Ahkam Johor. Setelah meninggalkan Pulau Batam pada tahun 1911, Syed Shaykh al-Hadi pergi ke Johor Bahru bekerja sebagai Peguam Syarie sehingga selepas tahun 1914 apabila Johor meningkatkan penggunaan undang-undang British berbanding undang-undang Syariah iaitu Majalah Ahkam Johor (Alijah 1999). Beliau bertugas sebagai Peguam Syarie setelah mengambil alih Batam Brickworks di Riau dan Singapura milik Raja Ali Kelana iaitu bapa angkat beliau. Peranan Syed Shaykh al-Hadi sebagai Peguam Syarie antara lainnya menyahut seruan Sultan Johor untuk melaksanakan undang-undang Sivil Islam di negeri tersebut serta memartabatkan perundangan Islam.

Campur tangan British dalam perundangan negeri Johor berlaku ketika pelaksanaan Majalah Ahkam Johor pada tahun 1913. Campur tangan tersebut sebenarnya telah bermula lebih awal, antara pengaruh yang telah diambil oleh British terhadap Sultan Johor melalui Penasihat Am adalah tentang urusan luar negeri selepas kedua-dua pihak menandatangani perjanjian pada tahun 1885 (Turnbull 1988). Namun, kuasa Penasihat Am tersebut disemak semula selepas Sultan Ibrahim menandatangani perjanjian pada 12 Mei 1914 (Nadarajah 2000). Justeru, British telah meletakkan seorang Penasihat Am di Johor. Berdasarkan perjanjian *Johore Treaty Revision General Adviser*,

His Excellency the Governor and High Commissioner, with the approval of the Right Hon’ble the secretary of State for the Colonies, has been pleased to

appoint Douglas Graham Campbell, Esquire, C.M.G., to be General Adviser for the State and Territory of Johore (The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser, 18 May 1914, page 7).

Kesan perlantikan ini menjejaskan pelaksanaan Majalah Ahkam Johor. Jawatan Penasihat Am yang diduduki oleh Douglas Graham Campbell pada masa itu, mempunyai kawalan ke atas Sultan Ibrahim yang memerintah Johor pada semua perkara kecuali yang berkaitan dengan agama dan adat Melayu (Nadarajah 2000). Tetapi, di suatu peringkat iaitu pada tahun 1914, suatu enakmen telah digubal bagi membatalkan semua enakmen yang sedia ada (Abd. Jalil 2002), termasuklah enakmen yang berkaitan dengan kedudukan agama Islam. Majalah Ahkam Johor merupakan perundangan Islam yang diiktiraf Sultan dan mempunyai kedudukannya yang tersendiri.

Penempatan Penasihat British tersebut setelah setahun dilaksanakan Majalah Ahkam Johor. Ini menunjukkan British sedaya upaya telah membantutkan usaha pelaksanaan perundangan Sivil Islam tersebut. Bidang keadilan di Johor pada tahun 1913, 1914 dan seterusnya kebanyakannya di monopoli oleh pegawai Inggeris. Harapan untuk menjadikan Majalah Ahkam Johor sebagai bahan rujukan dan panduan di Mahkamah negeri Johor amat tipis sekali (Abd. Jalil 2002). Hal ini kerana, pegawai Inggeris yang dilantik tidak mengetahui langsung budaya dan adat resam masyarakat Melayu.

Perbicaraan kes di Mahkamah negeri Johor, British sedaya upaya mengeneipkan pelaksanaan undang-undang Islam dan mengakibatkan Majalah Ahkam Johor kurang dirujuk dalam peringkat perbicaraan di Mahkamah Johor. Situasi ini disebabkan penggubalan beberapa enakmen atau undang-undang British yang menjejaskan pelaksanaannya. Contohnya, campur tangan British yang mencabar kedudukan agama Islam, dalam kes Wong Ah Fook lawan Kerajaan Johor (1 JLR 1 (1915) MLJ (1937) Vol. VI 128). Kes tersebut telah mencabar kewibawaan Islam sebagai agama rasmi bagi negeri Johor dan hakim yang memutuskan perundangan Johor tidak melaksanakan undang-undang Islam dengan berkesan (Abd Jalil 2013). Kes ini membuktikan hakim yang dilantik pihak British pada ketika itu tidak mengiktiraf undang-undang Islam. Mereka membuat alasan bahawa perkara ini adalah disebabkan undang-undang Islam sebagai undang-undang negeri tidak disebutkan dengan jelas dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (Abd. Jalil 2002). Alasan tersebut jelas bertentangan dengan fasal 57 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor tahun 1895 iaitu agama Islam merupakan agama bagi negeri Johor.

KESIMPULAN

Pelaksanaan undang-undang Sivil Islam Majalah Ahkam Johor merupakan salah satu usaha untuk mengekang pengaruh British dalam pentadbiran Kerajaan Johor selain dijadikan panduan dalam Mahkamah Johor. Rentetan dari arahan Sultan Abu Bakar, peranan Mufti Johor selaku Ketua Agama Islam menghendaki kelompok masyarakat yang berpandukan kepada landasan dan cara hidup Islam berdasarkan perundangan Sivil Islam yang diperkenalkan sejak 1869 di Kerajaan Uthmaniyyah. Walaubagaimanapun, pelaksanaannya menghadapi kekangan setelah British menempatkan seorang Penasihat Am yang bertujuan mengawal semua aspek pentadbiran negeri itu termasuk undang-undang. Pelaksanaannya tidak dimartabatkan sebagai

perundangan yang sempurna dipraktikkan dalam mahkamah. Namun begitu, adaptasi kitab tersebut dari *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* memberi kesan yang signifikan terutamanya dalam perkembangan agama Islam dan sebagai panduan dalam kalangan masyarakat Islam di negeri Johor disebabkan kandungan kitab tersebut adalah tentang hak tanggungjawab awam seperti urusan jual beli, sewaan dan sebagainya.

RUJUKAN

- A Rahman Tang Abdullah. (2008). Abu Bakar and Modern Johor: The Question of Modernisation and Westernisation in Malay Tradition. *Jurnal Sejarah*, 16(16): 59-79.
- Abd. Jalil Borham. (1993). Sekularisme dalam Kodifikasi Undang-undang Islam: Rujukan kepada Penulisan Majalah Ahkam Johor. *Jurnal Syariah*, 2(7): 357-369.
- Abd. Jalil Borham. (1997). Majalat Ahkam Johor Ditinjau dari Aspek Latar Belakang dan Pengaruhnya terhadap Pentadbiran Sistem Muamalat Islam di Negeri Johor. Tesis Dr Falsafah. Universiti Malaya.
- Abd. Jalil Borham. (2002). *Majalah Ahkam Johor Latar Belakang, Pelaksanaan dan Komentari*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Jalil Borham (pngr.). (2002). *Majalah Ahkam Johor: Kod Undang-undang Sivil Islam Kerajaan Negeri Johor 1331 H/1913 M*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Jalil Borham. (2002). *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Jalil Borham. (2011). Pengaruh Khilafah Othmaniyyah Turki dalam Pentadbiran Kerajaan Johor bagi memartabatkan Sebuah Negara Islam Merdeka di Asia Tenggara. Kertas Kerja Peringkat Kebangsaan Ucaptama Simposium Isu-Isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011). Anjuran ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 8-10 April.
- Abd. Jalil Borham. (2013). The Influence of Turkish Ottoman Islamic Civil Law in 19th Century in The State of Johor, Malaysia. *American International Journal of Contemporary Research*, 3(8): 59-62.
- Abdul Kadir Muhammad. (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmed Akgündüz. (2011). *Legal developments in the Ottoman State (1299-1926)*. Dlm. Saim Kayadibi. *Ottoman Connections to the Malay World: Islamic, Law and Society*, hlm. 85-113. Petaling Jaya: The Other Press Sdn Bhd.
- Ahmet Cemil Yildirim. (2015). Ottoman Mecelle as A Secular Uniform Law Instrument. *The International Journal of Turcologia* 10(19): 27-45.
- Alijah Gordon. 1999. *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady: With Selections of His Writings by His Son, Syed Alwi*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute (MSRI).
- Ermy Azziaty Rozali. (2010). Turki Uthmaniyah: Persepsi dan Pengaruh dalam Masyarakat Melayu, 1876-7942. Tesis Dr Falsafah. Universiti Malaya.
- Ermy Azziaty Rozali. (2012). Sayid Muhammad al-Sagoff in Johore – Ottoman Sovereign Relations. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(6): 893-897.

- Ermy Azziaty Rozali & Wan Kamal Mujani & Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2016). Relation between The Ottoman Empire and The Johore Sultanate: Perception and Influence. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(2): 405-408.
- Gábor Ágoston & Bruce Masters. (2009). *Encyclopedia of The Ottoman Empire*. New York: Facts On File.
- Hanif Md Lateh @ Junid & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. (2018). *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1312/1895*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hakkı Kadı & A.C.S. Peacock. (2019). *Ottoman-Southeast Asian Relation (2 vols.): Sources from The Ottoman Archives*. Leiden: Brill.
- Iza R. Hussin. (2013). Textual Trajectories Re-reading The Constitution and Majalah in 1890s Johor. *Indonesia and The Malay World*, 14(120): 1-18.
- J. Van Der Putten. (1997). Printing in Riau: Two Steps Toward Modernity. *Kitlv journals*, (4): 717-736.
- Jeyamalar Kathirithamby-Wells. (2015). *Hadhrami Mediators of Ottoman Influence in Southeast Asia*. Dlm. A.C.S. Peacock & Annabel Teh Gallop. *From Anatolia to Aceh: Ottoman, Turks and Southeast Asia*, hlm. 89-119. Oxford: Oxford University Press.
- Johore Treaty Revision "General Adviser" The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*. 18 May 1914. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/Digitised/Article/singfreepressb19140518-1.2.49> [3 Februari 2020].
- Kenneth Sinclair. (1967). Hobson and Lenin in Johore: Colonial Office Policy Towards British Concessionaires and Investors, 1878-1907. *Modern Asian Studies*, 1(4): 335-352.
- M.A. Fawzi Basri. (1983). *Warisan Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Md. Akhir Haji Yaacob. (1991). *Al-Ahkam al-Adliyyah Undang-undang Sivil Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Habibur Rahman & Noor Mohammad Osmani. (2018). An Appraisal of Majallat al-Ahkam al-Adliyyah. A Legal Code of Islamic Civil Transactions by the Ottoman. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 8(9): 1381-1393.
- Mohammad Redzuan Othman. (2017). Pan-Islamic Appeal and Political Patronage: The Malay Perspective and The Ottoman Response. *Jurnal Sejarah*, 4(4): 97-108.
- Nadarajah N.. (2000). *Johore and The Origins of British Control, 1895-1914*. Kuala Lumpur: Arenabuku
- Nik Zaitun Yusni Ali & Mohd Roslan Mohd Nor (2018). Ketokohan dan Sumbangan Sultan Abdul Hamid II sebagai Khalifah Terakhir Dawlah Uthmaniyyah Berlandaskan Prinsip al-Quran dan al-Sunnah. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 14(1):91-98.
- Noorilham Ismail & Muhamad Hasrul Zakariah. (2017). Peranan Mufti dalam Pentadbiran Kerajaan Johor, Satu Tinjauan dalam Era Imperialisme British, 1885-1941. Kertas Kerja Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarahwan Malaysia 2017 Memperkasa Sejarah Nasional dalam Melestarikan Pembangunan Negara. Anjuran Universiti Sains Malaysia.
- Nur Bilge Criss. (1999). *Istanbul Under Allied Occupation, 1918-1923*. Leiden: Brill.
- Nuramirah Shahrin. (2019). The Relationship between The Sultanate of Johore and The Ottoman Empire. Tesis Sarjana, Sosial Bilimler Enstitüsü, Marmara Üniversitesi.

- Nurulwahidah Fauzi. (2012). Peranan Arab Hadrami di dalam Mempengaruhi Politik Istana Johor pada Awal Abad ke 20M. *International Journal of West Asian Studies*, 4(2): 1-21.
- Oong Hak Ching. (1996). Penggubalan Dasar British terhadap Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua. *Jebat*, 24: 85-100.
- R.O. Winstedt. (1979). *A History of Johore*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Samy Ayoub. (2015). The Mecelle, Sharia, and the Ottoman State: Fashioning and Refashioning of Islamic Law in the Nineteenth and Twentieth Centuries. *Journal of the Ottoman and Turkish Studies Association*, 2(1): 121-146.
- Seval Yildirim. (2005). Aftermath of a Revolution: A Case Study of Turkish Family Law. *Pace International Law Review*, 17(2): 347- 371.
- Siti Noorasikin Tumiran, Ezaad Azrai Jamsari & Kaseh Abu Bakar. (2011). Personaliti Termasyhur Singapura: Syed Mohamed bin Ahmed Alsagoff. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, hlm. 433-441.
- S. Mahmassani. (1987). *Falsafat al-Tashri' fi al-Islam*, Terj. Farhat J. Ziadeh. Malaysia: Penerbitan Hizbi.
- Turnbull C.M. (1988). *A Short History of Malaysia, Singapore and Brunei*. Singapore: Graham Bash
- William Hale. (2013). *Turkish Foreign Policy Since 1774 Third Edition*. London: Routledge.